Pendakwa Raya lwn Weddrin bin Mojingkin dan lain-lain

A

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO JA-42S-1–01 TAHUN 2018
AHMAD KAMAL H
23 JUN 2020

B

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap perintah pelepasan dan pembebasan — Perayu merayu terhadap keputusan mahkamah sesyen yang melepas dan membebaskan responden-responden di bawah s 304(d) Kanun Keseksaan — Sama ada responden-responden telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan — Sama ada mahkamah sesyen terkhilaf dalam membuat kesimpulan punca kematian mangsa — Sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap responden-responden melampaui keraguan yang munasabah — Kanun Keseksaan, ss 34, 304(b)

C

D

Prosedur Jenayah — Rayuan — Kanun Tatacara Jenayah — Sama ada notis rayuan yang difailkan adalah salah, cacat, batal dan tidak sah — Kanun Tatacara Jenayah s 310

E

Pihak responden-responden telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi di bawah s 304(b) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s 34 Kanun yang sama kerana telah menyebabkan kematian dengan mengetahui bahawa perbuatan tersebut mungkin menyebabkan kematian. Pada 2 November 2014, OKT1 telah menerima panggilan daripada Kpl Lisman ('SP5') dan didedahkan fakta si mati memiliki senjata api yang dipercayai sepucuk pistol. Si mati berjaya ditangkap dan dibawa ke Balai Sungai Rengit dan disoal siasat SP7. Pada ketika itu, si mati duduk di atas lantai dengan tangan bergari belakang dan duduk dekat dengan dinding. Si mati ada membuat pengakuan kepada SP7 bahawa senjata api tersebut ada di dalam simpanan bapa si mati. Namun, bapa si mati menafikan bahawa beliau mempunyai sebarang pengetahuan berkenaan senjata api tersebut. SP7 menjadi sangat marah pada si mati dan bertindak meninggikan suara kerana tidak berpuas hati dengan si mati yang telah berbohong. SP7 dilihat telah menendang dada si mati dan si mati dilihat mengerang kesakitan. OKT1 kemudian membawa si mati menaiki kenderaan pasukan polis menuju ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Tinggi. Dalam perjalanan tiba-tiba kepala si mati terkulai di bahu SP6. SP6 memaklumkan kepada OKT1 dan OKT1 mengarahkan agar si mati dibawa ke Klinik Bandar Penawar. Si mati telah disahkan meninggal dunia oleh doktor pada jam lebih kurang 8.30 pagi. Di akhir kes pendakwaan, mahkamah sesyen telah memutuskan bahawa pihak perayu telah gagal membuktikan suatu kes prima

F

G

H

I

facie bagi pertuduhan ke atas responden-responden. Responden-responden dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri. Rayuan dibuat ke Mahkamah Tinggi Johor Bahru oleh perayu dan Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa pihak perayu telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie bagi pertuduhan ke atas responden-responden yang diarahkan supaya membela diri. Di akhir pembelaan, mahkamah sesyen telah memutuskan bahawa perayu telah gagal membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah dan responden-responden telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan. Pihak perayu tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah sesyen dan telah merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap sabitan. Antara isu-isu yang dibangkitkan: (a) sama ada notis rayuan adalah cacat; (b) sama ada responden-responden telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan; (c) sama ada mahkamah sesyen terkhilaf dalam membuat kesimpulan punca kematian mangsa; dan (d) sama ada pihak pendakwaan teah berjaya membuktikan kes terhadap responden-responden melampaui keraguan yang munasabah.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan perintah mahkamah sesyen:

(1) Notis rayuan yang difailkan perayu adalah salah, cacat, batal dan tidak sah. Perayu sepatutnya mengemukakan notis rayuan terhadap perintah pelepasan dan pembebasan terhadap responden-responden dan bukannya perintah sabitan kerana tiada perintah sabitan yang dibuat mahkamah sesyen. Mahkamah mendapati pihak perayu tidak pun membuat apa-apa permohonan untuk meminda notis rayuan tersebut dan/atau permohonan untuk memfailkan notis rayuan terhadap perintah pelepasan dan pembebasan responden-responden di luar tempoh masa walaupun mempunyai peluang untuk berbuat demikian sebagaimana diperuntukkan di bawah s 310 Kanun Tatacara Jenayah. Kegagalan perayu untuk merayu terhadap perintah yang sebenar dibuat oleh mahkamah sesyen adalah fatal dan cacat menjadikan rayuan yang difailkan perayu adalah tidak kompeten untuk didengar (lihat perenggan 23–25 & 32).

(2) Mahkamah mendapati hujahan pihak perayu adalah tidak bermerit kerana mahkamah sesyen telah pun membuat pertimbangan serta penilaian yang sewajarnya ke atas keterangan SP3. Adalah jelas bahawa mahkamah sesyen telah membuat pertimbangan yang sewajarnya berkenaan dengan nilai penerimaan keterangan SP3 serta semua saksi pendakwaan dan saksi pembelaan (lihat perenggan 52–53 & 68).

(3) Mahkamah mendapati hujahan perayu adalah tidak bermerit. Mahkamah bersetuju dengan dapatan mahkamah sesyen terhadap keterangan SP1 yang menyatakan punca kematian si mati adalah disebabkan oleh kecederaan atau lebam pada jantung dan kemungkinan

kesan tersebut boleh disebabkan oleh *unguarded fall*. Pembelaan *unguarded fall* bukanlah bersifat *afterthought*, rekaan dan penafian semata-mata kerana ianya telah ditimbulkan pada awal kes pendakwaan dan telah ditimbulkan oleh saksi pembelaan dan tidak dicabar oleh pihak pendakwaan (lihat perenggan 72–74).

(4) Mahkamah mendapati tiada kekhilafan dalam dapatan fakta yang dibuat oleh mahkamah sesyen dan perintah pelepasan dan pembebasan adalah selamat dan mengikut fakta dan undang-undang (lihat perenggan 78).

[English summary

The respondents were charged in the Kota Tinggi Sessions Court under s 304(b) of the Penal Code and read together with s 34 of the same Code for causing death with the knowledge that the said act would likely cause death. On 2 November 2014, the first accused had received a call from Kpl Lisman ('SP5') and disclosed the fact that the deceased possessed a firearm believed to be a pistol. The deceased was arrested and brought to the Sungai Rengit police station and was interrogated by SP7. At the time, the deceased was seated on the floor with his hands handcuffed behind him and sat near the wall. The deceased confessed to SP7 that the firearm was in possession of the deceased's father and that he had knowledge of the said firearm. However, deceased's father denied that he had any knowledge with regards to the firearm. SP7 became very angry at the deceased and raised his voice because he was dissatisfied that the deceased had lied. SP7 was seen kicking the chest of the deceased and the deceased was seen whimpering in pain. OKT1 then brought the deceased in a police squad car toward the Kota Tinggi Police District Headquarters. During the journey suddenly the head of the deceased flopped onto the shoulder of SP6. SP6 informed OKT1 and OKT1 instructed that the deceased was brought to the Bandar Penawar Clinic. The deceased was pronounced dead by the doctor at around 8.30am. At the end of the prosecution case, the sessions court found that the appellant had failed to prove a prima facie case for the charges preferred against the respondents. The respondents were acquitted and discharged from the charges without being called to enter their defence. The appeal was made to the High Court in Johor Bahru by the appellant and the High Court found that the appellant had proven a prima facie case for the charges against the respondents and was ordered to enter their defence. At the end of the defence, the sessions court had ruled that the appellant had failed to prove a case beyond a reasonable doubt and the respondents were acquitted and discharged of the charges. The appellant being dissatisfied with the decision of the sessions court had appealed to the High Court concerning the conviction. Among the issues that were raised were: (a) whether the notice of appeal is defective; (b) whether the respondents had successfully raised a reasonable doubt towards the case of the prosecution; (c) whether the sessions court had erred in making the conclusion surrounding the death of the victim; and (d) whether the prosecution had

proven a case against the respondents beyond a reasonable doubt.

Held, dismissing the appeal and affirming the order of the sessions court.

(1) The notice of appeal filed by the appellant is defective, void and not valid. The appellant should have filed a notice of appeal against the acquittal and discharge of the respondents and not the conviction as there was no conviction made by the sessions court. The court found that the appellant did not make any application to amend the notice of appeal and/or application to file the notice of appeal against the order of acquittal and discharge of the respondents outside of time despite having the chance to do so as provided under s 310 of the Criminal Procedure Code. The failure of the appellant to appeal against the true order made by the court was fatal and defective making the appeal that was filed by the appellant incompetent to be heard (see paras 23–25 & 32).

(2) The court found that the submissions of the appellant was without merit as the sessions court had already made the necessary consideration and evaluation of the evidence of SP3. It was clear that the sessions court had made the necessary evaluation concerning the value of the evidence of SP3 as well as all of the prosecution and defence witnesses (see paras 52–53 & 68).

(3) The court found that the submission of the appellant was without merit, the court agrees with the finding of the sessions court towards the evidence of SP1 who stated that the cause of death of the deceased was caused by injuries of bruises on the heart and a possibility that the said effect was caused by an unguarded fall. The defence of an unguarded fall was not an afterthought, fiction or bare denial as it was brought up at the beginning of the prosecution case and was raised by the defence witnesses and was not challenged by the prosecution (see paras 72–74).

(4) The court found no error in the finding of facts which was made by the sessions court and the order of acquittal and discharge was safe and based on facts and law (see para 78).]

Kes-kes yang dirujuk

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP & another appeal [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737, MP (diikut)

Liew Sung Yong v PP [2013] 2 CLJ 1089, MT (diikut)

Lim Kim Wei v PP [2020] 3 MLJ 152; [2019] 10 CLJ 297, MR (dirujuk)

Masnelan Pakpahan v PP [1989] 2 MLJ 362; [1989] 2 CLJ Rep 112; [1989] 2 CLJ 452, MT (diikut)

PP v Hwong Yu Hee & Ors [2015] 11 MLJ 138; [2014] 9 CLJ 985, MT (diikut)

PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (diikut)

P'ng Hun Sun v Dato' Yip Vee Foo [2013] 6 MLJ 523; [2013] 1 LNS 320, MR (dirujuk) A

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 34, 304(b)
Kanun Tatacara Jenayah s 310 B

Faizal @ Amrin bin Noor Hadi (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri) bagi pihak perayu.
Iskandar Shah bin Ibrahim (Iskandar Shah & Co) bagi pihak responden. C

Ahmad Kamal H:

PENGENALAN

[1] Pihak responden-responden/orang kena tuduh (OKT-OKT) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi kerana telah menyebabkan kematian dengan mengetahui bahawa perbuatan tersebut mungkin menyebabkan kematian. Oleh itu responden-responden/OKT-OKT telah dituduh melakukan kesalahan di bawah s 304(b) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama. D E

[2] Responden-responden/OKT-OKT mengaku tidak bersalah atas pertuduhan tersebut dan telah minta untuk dibicarakan. Pihak perayu/timbalan pendakwa raya ('TPR') telah memanggil sepuluh orang saksi untuk memberi keterangan bagi membuktikan kes pihak pendakwaan. F

[3] Di akhir kes pendakwaan, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('HMS') telah memutuskan bahawa pihak perayu/TPR telah gagal membuktikan suatu kes prima facie bagi pertuduhan ke atas responden-responden/OKT-OKT dan dengan itu responden-responden/OKT-OKT dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri. G

[4] Pihak perayu/TPR yang terkilan dengan keputusan HMS tersebut kemudiannya telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi Johor Bahru. H

[5] Mahkamah Tinggi kemudiannya telah memutuskan bahawa pihak perayu/TPR telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie bagi pertuduhan ke atas responden-responden/OKT-OKT dan memerintahkan supaya responden-responden/OKT-OKT dipanggil untuk membela diri. I

[6] Berdasarkan perintah Mahkamah Tinggi tersebut, HMS kemudiannya telah memanggil responden-responden/OKT-OKT untuk membela diri di

A mana responden-responden/OKT-OKT telah memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah dari kandang saksi dan dengan mengemukakan seramai lima orang saksi pembelaan.

B **[7]** Di akhir kes pembelaan, HMS telah memutuskan bahawa perayu/TPR telah gagal membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah bagi pertuduhan ke atas responden-responden/OKT-OKT dan responden-responden/OKT-OKT telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan.

C **[8]** Pihak perayu/TPR tidak berpuas hati dengan keputusan HMS tersebut dan telah merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap sabitan (rujuk ms 3 rekod rayuan ('RR') Jld 1).

D **[9]** Setelah mahkamah ini mendengar rayuan perayu/TPR dan setelah mempertimbangkan penghujahan kedua-dua pihak serta meneliti segala ekshibit-ekshibit/dokumen-dokumen di dalam rekod rayuan terutamanya nota keterangan, maka mahkamah ini telah memutuskan bahawa rayuan perayu/TPR terhadap perintah pelepasan dan pembebasan oleh HMS tidak
E mempunyai merit. Oleh yang demikian, rayuan perayu/TPR terhadap perintah pelepasan dan pembebasan oleh HMS tersebut adalah ditolak dan perintah HMS adalah dikekalkan.

F **[10]** Pihak perayu/TPR tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah ini dan telah merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut.

PERTUDUHAN

G **[11]** Pertuduhan pindaan yang dipertuduhkan terhadap responden-responden/OKT-OKT adalah seperti yang berikut:

> Bahawa kamu pada 3hb November 2014, jam lebih kurang 3.30 pagi hingga jam lebih kurang 8.30 pagi di rumah No 62, Kg Simon, Teluk Ramunia, Sungai Rengit,
H di dalam daerah Kota Tinggi, dalam Negeri Johor Darul Takzim, bagi mencapai niat bersama kamu telah menyebabkan kematian Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur, No K/P: 891026–01–5545 dengan mengetahui bahawa perbuatan kamu itu mungkin menyebabkan kematiannya dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh yang boleh dihukum di bawah Seksyen 304(b) Kanun Keseksaan dan
I dibaca bersama dengan Seksyen 34 Kanun yang sama.

FAKTA KES SECARA RINGKAS

[12] Fakta kes pendakwaan telah dihuraikan oleh HMS sebagaimana di dalam perenggan 9 alasan penghakiman HMS (ms 13 RR Jld 1) seperti yang berikut:

(a) berpandukan maklumat, pada 3 November 2014, pasukan serbuan yang diketuai Weddrin ('OKT1') bersama-sama Joshua ('OKT2'), Muhammad ('OKT3'), SP5, SP6 dan SP7 telah pergi ke tempat kejadian dan sampai di lokasi lebih kurang jam 3 pagi. Anggota serbuan lengkap berpakaian kalis peluru dan membawa senjata;

(b) sampai di tempat kejadian, OKT1 terus menendang pintu rumah/bilik, apabila pintu terbuka, beliau bersama-sama OKT2, OKT3 dan SP5 terus masuk ke dalam rumah tersebut bagi menangkap si mati. SP6 menunggu di luar rumah dengan berdiri di pintu manakala SP7 menunggu di bawah pokok berdekatan tempat kejadian;

(c) terdapat dua orang lelaki di dalam rumah tersebut ketika serbuan. SP5 telah membawa seorang lelaki ('SP3') yang merupakan sumber beliau ke belakang rumah dan selepas itu kembali semula ke rumah yang diserbu;

(d) SP5 dan SP6 mengesahkan bahawa si mati bertindak agresif ketika cuba melepaskan diri daripada ditangkap. SP5 dan SP6 mengesahkan berlakunya pergelutan antara si mati dengan pihak polis. Kedua-dua saksi juga mengesahkan ada melihat si mati terjatuh atas lantai dan masih terus bertindak agresif selepas itu sebelum dapat digari oleh OKT2;

(e) si mati kemudiannya dibawa ke balai polis Sungai Rengit dengan menaiki kenderaan pasukan polis di mana soal siasat dijalankan di dalam bilik taklimat berkaitan pemilikan senjata api. Pengakuan si mati berkenaan pemilikan pistol telah dirakam oleh SP7 dengan menggunakan telefon bimbit (rujuk eksh P7);

(f) pada jam lebih kurang 7.10 pagi, si mati telah dibawa menaiki kenderaan pasukan polis menuju ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Tinggi dan dalam perjalanan, tiba-tiba kepala beliau terkulai di bahu SP6. SP6 memaklumkan kepada OKT1 dan OKT1 mengarahkan agar si mati dibawa ke Klinik Bandar Penawar dan disahkan telah meninggal dunia oleh doktor pada jam lebih kurang 8.30 pagi; dan

(g) bedah siasat ke atas jasad si mati telah dilakukan oleh SP1 pada 4 November 2015 pada jam 2.45 petang. Terdapat banyak kesan kecederaan pada tubuh si mati, namun begitu, kecederaan-kecederaan tersebut tidak menyebabkan kematian. Menurut SP1, kematian si mati berlaku apabila trauma tumpul dihalakan merentasi dada dan daya trauma tumpul itu adalah dari bahagian belakang dada si mati. SP1

menyimpulkan sebab kematian sebagai 'blunt force trauma to the chest' dan berdasarkan kaku mayat serta kecederaan lebam mayat, anggaran waktu kematian ialah antara 10 hingga 12 jam tetapi kurang daripada 24 jam manakala pendarahan pula berlaku kurang daripada 18 jam.

[13] Fakta kes pembelaan telah diperjelaskan oleh HMS sebagaimana di dalam perenggan 12 alasan penghakiman HMS (ms 32–35 RR Jld 1) seperti yang berikut:

(a) pada tarikh 2 November 2014 jam 2 petang, OKT1 menerima panggilan telefon dari Kpl Lisman ('SP5') bersabit Sungai Rengit Rpt 816/14 eksh D68. Ekshibit D68 mendedahkan fakta bahawa penama Syed Mohd Azlan ('si mati') memiliki senjata api yang dipercayai sepucuk pistol;

(b) seterusnya SP5 ada memaklumkan OKT1 bahawa terdapat seorang sumber ('SP3') yang akan membantu pihak polis menangkap si mati. SP3 akan membawa si mati pergi ke rumah SP3 di alamat No 62, Kg Simon Teluk Ramunia Sungai Rengit, Pengerang bagi membolehkan pihak polis menangkap si mati;

(c) pada tarikh 2 November 2014, jam lebih kurang 11 malam, OKT1 telah memberi taklimat di Balai Polis Sg Rengit untuk menangkap si mati. Antara yang hadir taklimat adalah OKT2, OKT3 dan Insp Ong Eng Yew ('SD5');

(d) OKT1 memaklumkan bahawa si mati memiliki sepucuk pistol jenama Magnum dan mengarahkan semua anggota terlibat dalam tangkapan menggunakan jaket kalis peluru;

(e) anggota serbuan diberikan tugasan di mana OKT1 bersama-sama OKT2, OKT3, SP5 dan SP6 menyerbu masuk ke dalam bilik di mana si mati dan SP3 berada. SP5 juga diarahkan untuk membawa keluar SP3 dengan segera bagi menjaga keselamatan SP3;

(f) pada 3 November 2014, pada jam lebih kurang 3 pagi, SP5 mendapat makluman bahawa si mati ada bersama SP3 di rumah SP3. Pada jam lebih kurang 3.30 pagi, serbuan dijalankan di mana OKT1 telah menendang pintu bilik di mana kedua-dua mereka berada. SP5 dengan pantas telah membawa SP3 keluar dari bilik tersebut. Sejurus selepas itu, OKT2 dan OKT3 terus meluru ke arah si mati untuk menangkap si mati dan berlaku pergelutan setelah si mati cuba melarikan diri;

(g) OKT2 dan OKT3 cuba memegang tangan si mati untuk digari ke bahagian belakang namun gagal kerana si mati terlalu agresif. Akibatnya si mati telah jatuh tersembam atas lantai bersama-sama dengan OKT2

dan OKT3. Si mati jatuh tersembam tanpa kawalan dengan tangan di bahagian belakang. Dada dan kepala si mati terhentak ke lantai serta tertindih oleh OKT2 dan OKT3;

(h) walaupun sudah jatuh ke atas lantai, si mati masih melawan dengan cuba menumbuk dan menendang OKT2 dan OKT3. OKT2 cuba untuk menekap si mati ke bahagian dinding bertujuan untuk menggarinya. OKT2 cuba baringkan si mati, namun si mati masih menendang OKT2 dan OKT3. Si mati juga dilihat memaki dan marah terhadap anggota serbuan. Si mati hanya berjaya digari setelah dapat ditekap ke dinding;

(i) si mati kemudiannya dibawa ke Balai Sungai Rengit dan disoal siasat oleh Kpl Sabri ('SP7'). SP7 melakukan soal siasat berkenaan senjata pistol yang dimiliki si mati;

(j) pada ketika itu Insp Ong Eng Yew ('SD5'), SP7 dan OKT3 ada bersama si mati. Si mati duduk atas lantai dengan tangan bergari belakang dan duduk dekat dengan dinding;

(k) si mati ada membuat pengakuan kepada SP7 bahawa senjata api tersebut ada di dalam simpanan bapa si mati. Pengakuan ini dirakam oleh SP7 dengan menggunakan *handphone*;

(l) apabila bapa si mati datang ke Balai Polis Sungai Rengit, SP7 telah memainkan rakaman pengakuan si mati itu. Namun begitu, bapa si mati menafikan bahawa beliau mempunyai sebarang pengetahuan berkenaan senjata api tersebut;

(m) SP7 menjadi sangat marah terhadap si mati. SP7 meninggikan suara kerana tidak berpuas hati dengan si mati yang telah berbohong. Seterusnya SP7 dilihat telah menendang dada si mati sebanyak satu kali. Si mati dilihat mengerang kesakitan selepas ditendang oleh SP7. Semasa SP7 menendang suspek, OKT3 ada bersama-sama dengan SD5; dan

(n) pada jam lebih kurang 7.10 pagi, OKT1 telah membawa si mati menaiki kenderaan pasukan polis menuju ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Tinggi. Dalam perjalanan, tiba-tiba kepala si mati terkulai di bahu SP6. SP6 memaklumkan kepada OKT1 dan OKT1 mengarahkan agar si mati dibawa ke Klinik Bandar Penawar. Namum begitu, si mati telah disahkan meninggal dunia oleh doktor pada jam lebih kurang 8.30 pagi.

INTIPATI PERTUDUHAN

[14] Di dalam kes ini, terdapat empat elemen atau intipati pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pihak perayu/TPR di bawah s 304(b) Kanun Keseksaan seperti berikut:

(a) bahawa telah berlaku kematian ke atas Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur ('si mati');

(b) bahawa kematian si mati disebabkan kecederaan yang dialaminya;

(c) bahawa kecederaan yang dialami oleh si mati disebabkan oleh perbuatan responden-responden/OKT-OKT; dan

(d) bahawa dalam menyebabkan kecederaan ke atas si mati, responden-responden/OKT-OKT mengetahui bahawa ia boleh mematikan si mati atau menyebabkan kecederaan sehingga menyebabkan kematian si mati.

PETISYEN RAYUAN

[15] Petisyen rayuan perayu/TPR bertarikh 26 Mac 2018 (ms 6–8 RR Jld 1) telah menyenaraikan lapan alasan bagi menyokong rayuan perayu/TPR terhadap keputusan HMS seperti berikut:

(a) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila telah melepas dan membebaskan responden di akhir kes pembelaan bagi satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 304(b) Kanun Keseksaan;

(b) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila telah mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes melampaui keraguan munasabah di akhir kes pembelaan bagi satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah s 304(b) Kanun Keseksaan;

(c) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan keterangan saksi-saksi pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan;

(d) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan si mati mengalami *unguarded fall* yang menjurus kepada kematian si mati dan berjaya menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan;

(e) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan SD5 ialah seorang saksi yang boleh dipercayai dan keterangannya boleh diterima;

(f) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal memutuskan tiada mana-mana keterangan dalam kes pendakwaan yang mengaitkan responden-responden yang telah menendang badan si mati dari arah belakang sehingga si mati terjatuh ke atas lantai sedangkan Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan pihak pendakwa raya dan memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie;

(g) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan perbuatan KPL Sabri telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan; dan

(h) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan pihak pendakwaan gagal membuktikan niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan di peringkat pembelaan sedangkan Mahkamah Tinggi telah memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap responden-responden.

[16] Namun demikian, kesemua alasan tersebut seperti dihujahkan oleh perayu/TPR adalah menjurus kepada hanya dua isu seperti yang berikut:

(a) sama ada pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan; dan

(b) sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap responden-responden melampaui keraguan yang munasabah.

PRINSIP UNDANG-UNDANG

[17] Prinsip undang-undang mantap yang terpakai di dalam sesuatu kes rayuan telah dijelaskan di dalam kes *P'ng Hun Sun v Dato' Yip Vee Foo* [2013] 6 MLJ 523; [2013] 1 LNS 320, di mana Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> When the finding of the trial judge is factual, however, the fact finder's decision cannot be disturbed on appeal unless the decision of the fact finder is plainly wrong (see *China Airline Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd & another appeal* [1996] 2 MLJ 517, [1996] 3 CLJ 163); *Zaharah bt A Kadir (acting as the authorised representative of Abdul Kadir bin Ami, deceased) v Ramunia Bauxite Pte Ltd & Anor* [2012] 1 MLJ 192, [2011] 1 LNS 1015, *Kyros International Sdn Bhd v Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri* [2013] 2 MLJ 650, [2013]1 LNS 1). The findings of fact of the trial judge can only be reversed when it is positively demonstrated to the appellate court that:
>
> (a) by reason of some non-direction or mis-direction or otherwise the judge erred in accepting the evidence which he or she did accept; or
>
> (b) in assessing and evaluating the evidence the judge has taken into account some matter which he or she ought not to have taken into account, or failed to take into account some matter which he or she ought to have taken into account; or
>
> (c) it unmistakenly appears from the evidence itself, or from the unsatisfactory reasons given by the judge for accepting it, that he or she cannot have taken proper advantage of his or her having seen and heard the witnesses'; or

(d) in so far as the judge has relied on manner and demeanour, there are other circumstances which indicate that the evidence of the witnesses which he or she accepted is not credible, as for instance, where those witnesses have on some collateral matter deliberately given an untrue answer.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

Isu awalan

Notis rayuan adalah cacat (defektif)

[18] Sebelum memberi alasan terhadap keputusan mahkamah ini, saya ingin menarik perhatian terhadap notis rayuan yang telah difailkan oleh pihak perayu/TPR bertarikh 3 Januari 2018.

[Rujuk muka surat 3 RR Jilid 1]. Notis Rayuan tersebut adalah seperti berikut:

NOTIS RAYUAN

Kepada:

Yang Arif Tuan Hakim,

Mahkamah Tinggi Malaysia,

di *JOHOR BAHRU*.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA saya, Noor Dayana binti Mohamad, *Timbalan Pendakwa Raya*, Johor perayu tersebut di atas adalah *tidak berpuas hati terhadap sabitan yang diputuskan ke atas responden-responden* di bawah *Seksyen 304(b) Kanun Keseksaan* oleh Puan Hakim Salawati binti Djambari yang diperbuat di *Mahkamah Sesyen di Kota Tinggi* pada *27 Disember 2017, merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap perintah tersebut.*

Bertarikh pada *03 haribulan Januari 2018*.

t.t

Timbalan Pendakwa Raya

(Penekanan ditambah.)

[19] Notis rayuan tersebut menunjukkan bahawa perayu/TPR telah merayu ke Mahkamah Tinggi berkenaan dengan keputusan HMS terhadap sabitan yang diputuskan ke atas responden-responden/OKT-OKT.

[20] Mahkamah ini mendapati HMS tidak pernah pada bila-bila masa mensabitkan responden-responden/OKT-OKT terhadap pertuduhan yang dikenakan ke atas mereka pada 27 Disember 2017 tersebut. Sebaliknya pada

tarikh tersebut, HMS telah melepaskan dan membebaskan responden-responden/OKT-OKT daripada pertuduhan yang dikenakan ke atas mereka. A

[21] Berdasarkan kepada fakta tersebut, tiada apa-apa keputusan yang dibuat oleh HMS untuk mensabitkan responden-responden/OKT-OKT pada 27 Disember 2017. B

[22] Apa yang dirayu oleh perayu/TPR bukanlah keputusan yang dibuat oleh HMS pada 27 Disember 2017. Perayu/TPR sendiri kabur dan keliru mengenai perkara yang dirayu di dalam notis rayuan tersebut. C

[23] Pada hemat saya, notis rayuan yang difailkan oleh perayu/TPR adalah salah, cacat (*defective*), batal dan tidak sah (*null and void*) kerana notis rayuan tersebut tidak merujuk dan/atau berkaitan dengan perintah sebenarnya yang dibuat oleh HMS. D

[24] Perayu/TPR sepatutnya mengemukakan notis rayuan terhadap perintah pelepasan dan pembebasan terhadap responden-responden/OKT-OKT iaitu perintah sebenarnya yang dibuat oleh HMS dan bukannya perintah sabitan kerana tiada perintah sabitan yang dibuat oleh HMS pada 27 Disember 2017 tersebut. E

[25] Dalam rayuan ini, saya mendapati pihak perayu/TPR tidakpun membuat apa-apa permohonan untuk meminda notis rayuan tersebut dan/atau permohonan untuk memfailkan notis rayuan terhadap perintah pelepasan dan pembebasan responden-responden/OKT-OKT di luar tempoh masa walaupun mempunyai peluang untuk berbuat demikian sebagaimana diperuntukkan di bawah s 310 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). F G

[26] Seksyen 310 KTJ memperuntukkan seperti berikut:

> *A Judge may, on the application of any person desirous of appealing who may be debarred from so doing upon the ground of his not having observed some formality or some requirement of this Code*, permit an appeal upon such terms and with such directions to the Magistrate and to the parties as the Judge shall consider desirable, in order that substantial justice may be done in the matter. (Penekanan ditambah.) H

[27] Berdasarkan peruntukan s 310 KTJ tersebut, adalah jelas bahawa mahkamah mempunyai budi bicara untuk mempertimbangkan permohonan pihak-pihak bagi memastikan bahawa keadilan yang cukup (*substantial*) boleh dicapai. Walau bagaimanapun, penggunaan budi bicara mahkamah ini haruslah berdasarkan atau berasaskan permohonan pihak-pihak. I

[28] Di dalam kes *Masnelan Pakpahan v Public Prosecutor* [1989] 2 MLJ 362; [1989] 2 CLJ Rep 112; [1989] 2 CLJ 452, Hakim Mohamed Dzaiddin (pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> In my opinion, the underlying principle of *s 310 of the Criminal Procedure Code* is to allow a judge to exercise his unfettered discretion *to see that substantial justice may be done in the matter. In the final analysis, the exercise of the discretion depends on the facts and circumstances of each case.*

[29] Memandangkan tiada permohonan untuk meminda notis rayuan tersebut dan/atau permohonan untuk memfailkan notis rayuan terhadap perintah pelepasan dan pembebasan responden-responden/OKT-OKT di luar tempoh masa, oleh itu adalah tidak wajar untuk mahkamah ini mengguna pakai budi bicaranya di bawah s 310 KTJ.

[30] Di dalam kes *Liew Sung Yong v Public Prosecutor* [2013] 2 CLJ 1089 di ms 1093 Hakim Amelia Tee Abdullah (pada ketika itu) telah berkata:

> *[7] From the notice of appeal, it is clear that the appeal is against 'kesemua pertuduhan dan hukuman'. The court agrees that there is no provision in s 307 of the Criminal Procedure Code for an appeal to be made against 'pertuduhan' or charges. As such, the position in law in respect of this case is that at the end of the 14 days allowed for filing the notice of appeal, the appellant has only filed an appeal against the sentences that were imposed. No appeal was filed against the convictions. Neither has the appellant filed any application for leave to file an appeal against, conviction out of time.*
>
> [8] The responden has submitted that the *failure of the appellant to file an application for leave to file a notice of appeal out of time is fatal with the result that the appellant's appeal against conviction cannot be heard.* (Penekanan ditambah.)

[31] Selanjutnya di dalam kes *Public Prosecutor v Hwong Yu Hee & Ors* [2015] 11 MLJ 138 di ms 141, 142 dan 143; [2014] 9 CLJ 985 di ms 988, 989 dan 991 Hakim Stephen Chung (pada ketika itu) telah berkata:

> [9] I refer to the notice of appeal in this case. It must be noted that the notice of appeal stated that the appeal is in respect of three (3) counts only for which the accused were acquitted and discharged. Very clearly the notice of appeal did not state and did not refer to the five charges or five counts which were preferred against them in the sessions court and for which they had been acquitted and discharged.
>
> [10] *Based on the notice of appeal filed by the DPP, the appeal is only against three counts or three charges for which they had been acquitted and discharged by the sessions court. There was no reference to any appeal against the acquittal and discharge in respect of the other two counts or two charges. The question is whether the appeal is defective or irregular* so that the appeal becomes null and void and should be dismissed.
>
> [19] For the reasons given, *the notice of appeal is defective and incompetence and ought to be struck outin limine.* (Penekanan ditambah.)

[32] Berdasarkan kepada prinsip di dalam nas-nas di atas dan diaplikasi kepada kes rayuan ini, saya mendapati kegagalan perayu/TPR untuk merayu terhadap perintah sebenarnya yang dibuat oleh HMS adalah fatal dan cacat menjadikan rayuan yang difailkan oleh perayu/TPR adalah tidak kompeten untuk didengar oleh mahkamah ini.

[33] Fakta yang hampir sama dengan rayuan ini telah juga diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Lim Kim Wei v Public Prosecutor* [2020] 3 MLJ 152 di ms 156; [2019] 10 CLJ 297 di ms 302–303 dengan mengatakan seperti berikut:

> [2] *The appellant only filed an appeal against the conviction and sentence for the drug trafficking charge*. That notice of appeal dated 29 October 2018 was filed in person by him (see p 3 of the appeal record vol 1). *However, at the hearing of the appeal before us, learned counsel for the appellant, in his written submission mentioned that the appeal was against all four convictions and sentences. Given that no other notices of appeal had been filed subsequent to the one mentioned above, we were constrained to say that there was only one appeal before us and that is in respect of the drug trafficking charge*. Hence, we would in this appeal be concentrating on facts and issues relevant to the said charge of trafficking only, although admittedly there would be some overlapping of these facts and/or issues in respect of the other charges. (Penekanan ditambah.)

[34] Berbalik kepada rayuan kes ini, berdasarkan nas di atas, jelas menunjukkan memandangkan perayu/TPR hanya memfailkan rayuan terhadap sabitan yang dikenakan ke atas responden-responden/OKT-OKT, maka perayu/TPR adalah terikat untuk hanya merayu terhadap sabitan sahaja dan bukannya terhadap perintah kecuali jika permohonan untuk meminda notis rayuan dan/atau permohonan untuk memfailkan notis rayuan terhadap perintah pelepasan dan pembebasan responden/responden/OKT-OKT di luar tempoh masa telah dibuat oleh perayu/TPR yang mana ianya tidak dilakukan dalam rayuan ini.

[35] Walaupun mahkamah ini mendapati di dalam petisyen rayuan perayu/TPR (sila rujuk perenggan 15 di atas) menunjukkan perayu/TPR telah menyokong rayuannya berdasarkan perintah pelepasan dan pembebasan responden-responden/OKT-OKT tetapi pada hemat saya ianya tidak boleh digunakan oleh perayu/TPR untuk meminda dan memperbaiki kekurangan dan/atau kesilapan yang terdapat di dalam notis rayuan yang difailkan tanpa mendapat kebenaran (*leave*) daripada mahkamah.

[36] Dapatan saya ini disokong oleh kes *Hwong Yu Hee* yang mengatakan di ms 142 (MLJ); ms 989–990 (CLJ) seperti berikut:

> [13] As stated above, *the notice of appeal filed by the DPP is in respect of three counts only and did not appeal against all the five charges preferred against the accused. There is no other notice of appeal in respect of the other two charges or counts or in respect of all*

five charges against the three accused persons. The notice of appeal also did not state whether the appeal is in respect of any error in law or in fact.

[14] Although the DPP has referred to and set out all five charges in the petition of appeal, the DPP did not explain that it was an error or an irregularity and whether the appeal is in respect of three charges or three counts only or in respect of all five charges against the accused. In *Public Prosecutor v Mahathir bin Muhammad [2013] 1 MLJ 50; [2013]2 CLJ 50, the DPP in that case submitted that the question of law need not be set out in the notice of appeal and that it could be set out subsequently in the petition of appeal. In that case the Court of Appeal rejected this submission. Obviously the petition of appeal cannot amend and improve the notice of appeal without the leave of the court.* (Penekanan ditambah.)

[37] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpandangan notis rayuan yang difailkan oleh perayu/TPR adalah salah, cacat, batal dan tidak sah.

[38] Pihak perayu/TPR pula tidak memfailkan apa-apa permohonan ke mahkamah untuk meminda notis rayuan tersebut mahupun memfailkan permohonan untuk memfailkan notis rayuan terhadap perintah pelepasan dan pembebasan responden-responden/OKT-OKT di luar tempoh masa. Ini membawa padah kepada rayuan perayu/TPR dan menyebabkan rayuan perayu/TPR di hadapan mahkamah ini menjadi tidak kompeten.

[39] Pada hemat saya, atas isu kecacatan notis rayuan ini sahaja, rayuan perayu/TPR di dalam rayuan ini sewajarnya ditolak oleh mahkamah ini.

[40] Walau bagaimanapun, bagi melengkapkan penghakiman ini, mahkamah ini akan memberi alasan terhadap keputusan rayuan ini.

[41] Berpandukan kepada prinsip kes tersebut di atas, mahkamah berpuas hati bahawa prinsip undang-undang yang diperjelaskan di dalam kes *P'ng Hun Sun* telah dipatuhi sepenuhnya oleh HMS. Mahkamah juga mendapati bahawa tiada unsur salah arah telah dilakukan oleh HMS.

[42] Mahkamah seterusnya mendapati bahawa HMS tidak mengambil kira isu atau fakta yang tidak ada kena mengena dengan kes terhadap perayu/TPR mahkamah juga mendapati bahawa HMS telah memberi alasan-alasan yang cukup berlandaskan prinsip undang-undang yang betul apabila beliau meneliti keterangan-keterangan di hadapannya. Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati bahawa dapatan fakta oleh HMS tidak wajar diganggu.

[43] Mahkamah juga mengguna pakai prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor & another appeal* [2004] 3 MLJ 405 di ms 418; [2004] 3 CLJ 737

di ms 752 yang menyatakan seperti berikut:

> Clearly, an appellate court does not and should not put a brake and not going any further the moment it sees that the trial judge says that is his finding of facts. It should go further and examine the evidence and the circumstances under which that finding is made to see whether, to borrow the words of HT Ong (CJ Malaya) in *Herchun Singh's* case (supra) 'there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding'. Otherwise, no judgment would ever be reversed on question of fact and the provision of s 87 CJA 1964 that an appeal may lie not only on a question of law but also on a question of fact or on a question of mixed fact and law would be meaningless.

[44] Berlandaskan prinsip yang telah dinyatakan di dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim* tersebut, mahkamah telah meneliti kembali secara keseluruhannya segala keterangan yang dikemukakan di hadapan HMS serta dapatan-dapatan HMS mengenai segala keterangan itu dan mendapati tiada *substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding.*

Sama ada pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan

[45] Pihak perayu/TPR berhujah bahawa pihak pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

[46] Pihak perayu/TPR juga berhujah bahawa HMS telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa pihak responden-responden/OKT-OKT telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah apabila membuat dapatan bahawa kematian si mati bukan disebabkan oleh perbuatan responden-responden/OKT-OKT.

[47] Hujahan pihak perayu/TPR ini dapat dirumuskan kepada dua hujahan iaitu:

(a) HMS telah terkhilaf apabila tidak atau gagal memberi pertimbangan terhadap keterangan SP3; dan

(b) HMS telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa si mati mengalami *unguarded fall* yang menjurus kepada kematian si mati.

HMS yang bijaksana telah terkhilaf apabila tidak atau gagal memberi pertimbangan terhadap keterangan SP3

[48] Pihak perayu/TPR berhujah bahawa HMS telah terkhilaf apabila gagal memberi pertimbangan terhadap keterangan SP3 yang menyatakan bahawa tiada pergelutan berlaku di antara si mati dengan responden kedua dan ketiga semasa serbuan dan tangkapan tetapi sebenarnya apa yang berlaku adalah si

mati telah dipukul oleh responden kedua dan responden ketiga yang telah bertindak atas arahan responden pertama.

[49] Pihak perayu/TPR seterusnya berhujah bahawa versi pihak perayu/TPR menerusi keterangan SP3 adalah lebih dipercayai berbanding versi pihak pembelaan kerana SP3 merupakan saksi yang berada di tempat kejadian tersebut semasa berlakunya serbuan dan tangkapan ke atas si mati.

[50] Pihak perayu/TPR juga berhujah bahawa SP3 merupakan satu-satunya saksi yang boleh dipercayai (*credible*) berbanding saksi pihak pembelaan kerana SP3 sentiasa memberi keterangan yang konsisten disepanjang perbicaraan dan merupakan saksi bukan berkepentingan (*non-interested witness*). Oleh itu, keterangan SP3 mempunyai nilai keterangan yang tinggi.

[51] Pihak perayu/TPR seterusnya berhujah bahawa HMS telah terkhilaf kerana tidak berhati-hati dalam menerima keterangan saksi pembelaan yang juga merupakan saksi polis yang terlibat dalam kejadian serbuan, tangkapan dan siasatan terhadap si mati dan merupakan saksi berkepentingan (*interested witness*).

[52] Setelah mahkamah mempertimbangkan hujahan pihak perayu/TPR dan meneliti alasan penghakiman HMS, adalah dapatan mahkamah bahawa hujahan pihak perayu/TPR adalah tidak bermerit kerana HMS telah pun membuat pertimbangan serta penelitian sewajarnya ke atas keterangan SP3 dan ini jelas dapat dilihat di perenggan 13.2 di ms 41–43 RR Jld 1 seperti yang berikut:

> Dalam penelitian mahkamah ini, tiada mana-mana keterangan daripada saksi pendakwaan termasuk SP3 yang melihat OKT-OKT menendang badan si mati dari arah belakang sehingga menyebabkan beliau terjatuh ke atas lantai. *SP3 yang berada bersama-sama si mati di dalam rumah sewaktu serbuan walaupun dalam keterangannya menyatakan bahawa si mati telah dipukul oleh anggota serbuan, langsung tidak dapat camkan anggota polis yang telah masuk ke dalam rumah dan yang memukul si mati sedangkan dalam keterangannya beliau melihat si mati digari, didirikan dan dipukul dengan tangan yang bergari. Keterangan beliau bukan sahaja tidak disokong dengan keterangan lain malah bercanggah dengan keterangan SP5 yang memaklumkan bahawa sebaik sahaja pintu rumah terbuka, SP5 terus membawa SP3 keluar menuju belakang rumah kerana SP3 merupakan sumber kepada SP5*. Keterangan SP5 berkaitan perkara ini juga disahkan oleh SP6 yang turut berada di tempat kejadian.
>
> Dengan hormat, mahkamah ini berpendapat bahawa *SD5 merupakan seorang saksi yang boleh dipercayai dan keterangan yang diberikan dapat diterima*. Sebagai seorang pegawai polis, mahkamah ini percaya bahawa SD5 akan memberikan keterangan yang benar dan bukan direka-reka untuk membantu OKT-OKT. (Penekanan ditambah.)

[53] Berdasarkan kepada alasan penghakiman tersebut di atas, adalah jelas bahawa HMS telah membuat pertimbangan yang sewajarnya berkenaan dengan nilai penerimaan keterangan SP3 serta semua saksi pendakwaan dan saksi pembelaan. Berdasarkan alasan penghakiman HMS, adalah jelas bahawa HMS lebih mempercayai versi pihak pembelaan kerana SP3 tidak dapat mengecam anggota polis yang telah masuk ke dalam rumah dan yang memukul si mati sedangkan dalam keterangannya SP3 menyatakan bahawa SP3 telah melihat si mati digari, didirikan dan dipukul dengan tangan yang bergari.

[54] HMS juga dilihat meragui keterangan SP3 kerana keterangan SP3 bukan sahaja tidak disokong dengan keterangan lain malah bercanggah dengan keterangan SP5 yang memaklumkan bahawa sebaik sahaja pintu rumah terbuka, SP5 terus membawa SP3 keluar menuju belakang rumah kerana SP3 merupakan sumber kepada SP5. Keterangan SP5 berkaitan perkara ini juga disahkan oleh SP6 yang turut berada di tempat kejadian.

[55] Mahkamah seterusnya merujuk kepada keterangan kesemua saksi pihak perayu/TPR serta keterangan kesemua saksi pihak pembelaan bagi menimbangkan isu berkenaan dengan nilai keterangan SP3 dan mahkamah mendapati bahawa keterangan SP3 bukan sahaja bercanggah dengan keterangan saksi pembelaan tetapi bercanggah juga dengan keterangan saksi pendakwaan sendiri.

[56] Mahkamah membuat dapatan ini dengan merujuk kepada keterangan SP3 di:

Muka surat 67 rekod rayuan tambahan ('RRT') Jld 2(a):

Q: Okay lepas tu?

A: Semasa meniarap saya nampak beberapa anggota polis mengangkat Syed Azlan berdiri sambil tangannya bergari.

Muka surat 68 RRT Jld 2(a):

Q: Semasa encik meniarap, encik nampak diorang memukul. Macam mana dia pukul?

A: Dia tumbuk, terajang. Saya terdengar suara Syed Azlan menjerit terpekik-pekik meminta tolong semasa dalam perjalanan lari keluar.

[57] Mahkamah juga telah merujuk kepada keterangan saksi pendakwaan iaitu SP5 dan mendapati bahawa terdapat percanggahan di antara keterangan SP3 dan SP5 di mana SP5 telah menyatakan bahawa terdapat pergelutan semasa tangkapan dan serbuan ke atas si mati.

[58] Mahkamah juga mendapati bahawa terdapat percanggahan di antara keterangan SP3 dan SP5 di mana SP5 menyatakan bahawa SP3 tidak mungkin dapat melihat siapa yang memukul dan menendang si mati kerana SP3 tidak berada di dalam rumah tersebut semasa serbuan dan tangkapan kerana SP5 terus membawa SP3 keluar menuju belakang rumah untuk menjaga keselamatan SP3 yang merupakan sumber kepada SP5.

[59] Keterangan SP5 yang bercanggah dengan SP3 adalah seperti berikut:

Muka surat 86 dan 87 RRT Jld 2(a):

Q: Dalam bilik ada berapa orang?

A: Ada 2

Q: Seterusnya?

A: Saya diarahkan untuk membawa keluar seorang daripada bilik tersebut

Q: Satu orang ini lelaki?

A: Lelaki

Q: Bangsa?

A: Melayu

Q: Seterusnya?

A: Saya nampak si mati bertindak agresif dan cuba melepaskan diri daripada tangkapan

Q: Then?

A: Encik Joshua dan Encik Muhammad berjaya menangkap tetapi si mati masih bertindak agresif dan memaki polis.

Q: Lagi apa? Berlaku pergelutan?

A: Ya

Muka surat 95 RRT Jld 2(a):

Q: Yang anda dapat lihat adalah apabila dia masih memberontak untuk melepaskan diri selepas ditangkap. Setuju?

A: Ya

[60] Mahkamah juga telah merujuk kepada keterangan saksi pendakwaan iaitu SP6 dan mendapati bahawa terdapat percanggahan di antara keterangan SP3 dan SP6 di mana SP6 telah menyatakan bahawa terdapat pergelutan semasa tangkapan dan serbuan ke atas si mati.

[61] Keterangan SP6 yang bercanggah dengan SP3 adalah seperti berikut:

Muka surat 99 RRT Jld 2(a):

Q: Apa yang ada dalam bilik itu?

A: Saya nampak ada 2 orang lelaki bangsa Melayu.

Q: Lepas tu?

A: Terus buat serbuan. Ada satu lelaki keluar antara dua itu.

Q: And then?

A: Berlaku pergelutan dalam bilik. Pergelutan antara Korperal Joshua, Lans Korperal Muhammad. Yang pasti dua ini dulu.

Muka surat 100 RRT Jld 2(a):

Q: Masa tangkapan itu, tengah buat apa?

A: Berlaku pergelutan. Saya nampak si mati ini bertindak terlampau agresif. Tendang, tumbuk dan ada maki polis.

Muka surat 106 dan 107 RRT Jld 2(a):

Q: Dalam keadaan dia cuba menggari, oleh kerana tindakan agresif si mati, dia terhempap ke lantai?

A: Masa pergelutan, dalam keadaan kelam kabut memang si mati terhempap ke lantai dalam proses tangkapan

Muka surat 110 RRT Jld 2(a):

Q: Sarjan kata memang nampak si mati ni agresif? Memang nampak lah? Dengan polis-polis ni?

A: Memang nampak. Tangkapan yang maksima. Maksud saya, ikut kudrat.

Muka surat 111 RRT Jld 2(a):

Q: Sarjan, sebab tindakan agresif si mati, dia menyebabkan kematian sebegitu?

A: Maksud dia, yang saya faham, bila dia bergelut kita hendak buat proses tangkapan akan berlakulah macam pergaduhan. Kita hendak tangkap dia, itu mungkin menyebabkan dia terjatuh, ada luka dan lebam. Itulah maksud saya. Macam itu yang saya setuju.

[62] Berdasarkan keterangan-keterangan tersebut di atas, mahkamah mendapati bahawa keterangan SP3 tidak disokong serta bercanggah dengan

keterangan saksi pendakwaan yang lain dan oleh itu mahkamah mendapati bahawa keterangan SP3 adalah lemah dan tidak selamat untuk disandarkan.

[63] Mahkamah juga mendapati bahawa tiada saksi mata yang boleh mengesahkan bahawa si mati telah ditendang dan dipukul oleh responden kedua dan ketiga atas arahan responden pertama. Ini adalah kerana berdasarkan keterangan SP3, SP3 telah melihat si mati dipukul semasa serbuan dan tangkapan terhadap si mati tetapi berdasarkan keterangan SP5 yang disokong oleh SP6 telah menyatakan bahawa SP3 tidak mungkin melihat kejadian tersebut kerana SP3 merupakan sumber kepada SP5 dan demi menjaga keselamatan SP3, maka SP5 telah membawa SP3 keluar dari rumah tersebut sebelum tangkapan terhadap si mati dibuat.

[64] Selanjutnya mahkamah mendapati keterangan SP3 yang menyatakan bahawa si mati tidak melawan tangkapan tidak dapat disokong oleh SP1 yang menyatakan berdasarkan bedah siasat, terdapat *offensive wound* yang menunjukkan si mati ada melawan tangkapan. Oleh itu mahkamah mendapati keterangan SP5 dan SP6 yang menyatakan bahawa si mati telah melawan semasa tangkapan dan serbuan dengan memukul dan menendang polis adalah konsisten dengan keterangan SP1 berkenaan dengan *offensive wound.*

[65] Percanggahan yang wujud ini adalah suatu percanggahan yang amat material dan akibatnya telah mewujudkan dua inferen yang berbeza. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393 di ms 399; [2006] 1 CLJ 457 di ms 466 telah menjelaskan seperti yang berikut:

> Thus, if the prosecution evidence admits of two or more inferences, one of which is in the accused's favour, then it is the duty of the court to draw the inference that is favourable to the accused.

[66] Berdasarkan nas tersebut di atas, apabila terdapat dua keterangan berbeza yang menimbulkan dua inferen, maka adalah tanggungjawab mahkamah untuk memilih inferen yang memihak kepada responden-responden/OKT-OKT. Oleh itu, mahkamah mendapati bahawa tidak selamat untuk bergantung kepada keterangan SP3.

[67] Mahkamah juga berpendapat bahawa jika mahkamah telah terkhilaf dalam memutuskan dapatan ini, mahkamah mendapati bahawa HMS telah melihat dan mendengar keterangan kesemua saksi termasuk keterangan SP3 dan HMS telah pun membuat dapatan fakta berkenaan isu ini.

[68] Memandangkan HMS telah melihat dan mendengar keterangan semua saksi termasuk keterangan SP3 dan HMS telah memberi alasan kepada

keputusannya yang berasaskan undang-undang yang ketat, maka bukanlah tugas mahkamah ini untuk mengganggu dapatan fakta yang telah dibuat oleh HMS.

HMS telah terkhilaf apabila apabila memutuskan bahawa si mati mengalami 'unguarded fall' yang menjurus kepada kematian si mati

[69] Pihak perayu/TPR berhujah bahawa HMS telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa si mati mengalami *unguarded fall* yang menjurus kepada kematian si mati.

[70] Adalah hujahan pihak perayu/TPR bahawa berdasarkan keterangan SP1, kecederaan yang membawa kepada kematian si mati adalah disebabkan oleh lebam pada jantung yang diakibatkan oleh momentum daya terutamanya di bahagian depan dan belakang dada si mati dan bukan disebabkan oleh *unguarded fall.*

[71] Pihak perayu/TPR seterusnya berhujah bahawa keterangan ini adalah konsisten dengan keterangan SP3 yang menyatakan bahawa responden-responden/OKT-OKT telah menggunakan kekerasan yang tidak wajar ke atas si mati dan menyebabkan kematian.

[72] Mahkamah telah meneliti hujahan pihak perayu/TPR serta alasan penghakiman HMS dan mendapati bahawa hujahan pihak perayu/TPR adalah tidak bermerit kerana HMS telah membuat pertimbangan serta penelitian sewajarnya terhadap isu ini di perenggan 13.1 di ms 36 hingga 38 RR Jld 1:

> Walaupun berlaku pergelutan di antara OKT2 dan OKT3 dengan si mati, keterangan doktor yang melakukan bedah siasat (SP1) mengesahkan bahawa kecederaan-kecederaan di tubuh badan si mati walaupun banyak, namun ia tidak menyebabkan kematian. SP1 juga mengesahkan terdapat kesan luka lelasan dan lebam-lebam pada bahagian anggota badan yang menunjukkan *defensive wound* dan *offensive wound.*
>
> Pembelaan OKT-OKT adalah bahawa dalam proses membuat tangkapan ke atas si mati, sewaktu berlakunya pergelutan, si mati telah terjatuh dengan dadanya menghempap lantai lalu secara tidak sengaja, OKT 2 dan OKT3 turut terjatuh ke atas si mati. si mati terjatuh setelah hilang imbangan diri ketika meronta-ronta ketika dalam proses tangannya digari.
>
> Keterangan bahawa telah berlakunya *unguarded fall* telah ditimbulkan oleh saksi-saksi pendakwaan (SP5 dan SP6). Mereka yang turut berada di dalam bilik dan menyaksikan proses tangkapan terhadap si mati dilakukan mengesahkan bahawa si mati dalam proses pergelutan dengan OKT2 dan OKT3 telah terjatuh/ terhempap ke atas lantai.

Punca kematian si mati berdasarkan hasil bedah siasat adalah disebabkan kecederaan atau lebam pada jantung. SP1 juga tidak menolak kemungkinan bahawa kesan kecederaan tersebut boleh disebabkan oleh *unguarded fall.* Sewaktu pemeriksaan balas, beliau memberikan keterangan seperti berikut:

Q: Jika lihat gambar 9 dan 10, bila berlaku pergelutan dan cuba menggari dan si mati terjatuh, boleh mengakibatkan *unguarded fall?*

A: Ya

Q: Boleh jatuh dan orang terhempap tanpa sengaja?

A: Ya

Q: Jadi ada kemungkinan berlaku *unguarded fall?*

A: Ya

Q: Dalam keadaan *unguarded fall,* bolehkah ia menyebabkan *blunt force trauma to the chest?*

A: Boleh

A: Bila orang kurus jatuh, dia tiada lemak dan tiada *padding.* Apabila dia jatuh, kita kena ambil kira permukaan yang dia jatuh. Kalau simen, ia keras dan tidak menyerap tenaga. Kalau permukaan lembut, ada *padding effect,* dia membantu menyerap tenaga.

Q: Maka lebih mudah membawa kepada *blunt force trauma to the chest?*

A: Ya

[73] Berdasarkan dapatan HMS tersebut, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS terhadap keterangan SP1 yang menyatakan bahawa punca kematian si mati adalah disebabkan oleh kecederaan atau lebam pada jantung dan kemungkinan kesan kecederaan tersebut boleh disebabkan oleh *unguarded fall.*

[74] Mahkamah juga bersetuju dengan dapatan HMS bahawa punca kematian si mati adalah disebabkan oleh *unguarded fall* yang terjadi sewaktu responden kedua dan ketiga dalam proses membuat tangkapan ke atas si mati kerana keterangan *unguarded fall* ini telah ditimbulkan oleh saksi pendakwaan melalui SP5 dan SP6. Oleh itu, pembelaan *unguarded fall* ini bukanlah bersifat *afterthought,* rekaan dan penafian semata-sama kerana telah ditimbulkan pada awal kes pendakwaan dan sekali lagi telah ditimbulkan oleh saksi pembelaan dan tidak dicabar oleh pihak pendakwaan.

[75] Mahkamah juga mendapati bahawa HMS telah membuat pertimbangan serta penelitian sewajarnya terhadap isu ini di perenggan 13.2 di ms 40–42 RR Jld 1:

SP1 dalam keterangannya menjelaskan kematian si mati adalah berpunca daripada kecederaan pada bahagian badan terutamanya dada di depan dan belakang menunjukkan pergerakan memontem daya. Ia telah menyebabkan lebam pada jantung yang menyebabkan kematian. SP1 menyatakan terdapat objek tumpul mengenai badan si mati pada kelajuan tertentu dan beliau turut menyatakan bahawa si mati ada ditendang di bahagian belakang badan.

Ketika soalan ditanyakan dalam pemeriksaan semula, SP1 menyatakan:

> *... sekiranya si mati dalam keadaan berdiri dengan ketinggian 169 cm, apabila berlaku tendangan, tumbukan objek tumpul, daya yang berlaku adalah lebih tinggi. Maka, semua daya kena pada jantung. Sekiranya dia ditendang tapi tak ada unguarded fall, ia bergantung kepada daya dengan berat badan individu. Apabila diambil kira kecederaan pada bahagian belakang dan hadapan, contohnya pada gambar 38, terdapat luka-luka lelasan dan lebam yang bersesuaian dengan impak apabila bahagian dada mengenai permukaan. Dan juga pada gambar 22 dan 19, iaitu tulang pipi kiri, kanan dan dahi adalah bahagian prominent areas. Apabila prominent areas, ia lebih bersesuaian dengan kesan jatuh contohnya lantai atau dinding.*
>
> *Kesan jatuh adalah daripada bahagian belakang dan ia merentasi dada*
>
> *Di dalam kes ini, tendangan adalah daripada belakang.*
>
> *Berdasarkan pemeriksaan bedah siasat dan juga hasil daripada kemungkinan tendangan, kesan tendangan yang diberikan haruslah memberikan tendangan laju dan kuat.*

Pihak pembelaan melalui keterangan OKT3 dan juga SD5 memaklumkan kepada mahkamah bahawa si mati ada ditendang/ditunjal di bahagian dada oleh Kopral Sabri sewaktu disoal siasat dalam bilik maklumat. Kopral Sabri bertindak sedemikian akibat marah dengan si mati yang memberikan maklumat yang tidak benar tentang di mana pistol tersebut disimpan. SD5 menyatakan bahawa beliau melihat Kopral Sabri menendang dada si mati sebanyak satu kali dan si mati menjerit kesakitan. Keterangan SD5 telah menyokong keterangan yang diberikan oleh OKT3. Maklumat berkenaan si mati telah ditendang di bahagian dada oleh Kopral Sabri ada dimaklumkan kepada Pegawai Penyiasat dan kelewatan untuk memaklumkan kepada Pegawai Penyiasat telah dijelaskan oleh OKT-OKT.

[76] Mahkamah ini telah meneliti alasan yang dikemukakan oleh HMS dengan keterangan yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan dan pihak pembelaan dan mendapati tidak ada sebab mengapa mahkamah ini harus mengganggu dapatan HMS tersebut.

Sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap responden-responden melampaui keraguan yang munasabah

[77] HMS yang membicarakan kes ini juga telah membuat dapatan fakta bahawa pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pihak pendakwaan.

[78] Setelah mahkamah ini mendengar rayuan perayu/TPR dan setelah mahkamah mempertimbangkan penghujahan kedua-dua pihak serta meneliti segala ekshibit-ekshibit/dokumen-dokumen di dalam RR dan RRT terutamanya nota keterangan, mahkamah mendapati bahawa tiada kekhilafan dalam dapatan fakta yang dibuat oleh HMS dan oleh itu perintah pelepasan dan pembebasan yang diputuskan terhadap responden-responden adalah selamat dan mengikut fakta dan undang-undang.

KESIMPULAN

[79] Atas apa yang dinyatakan di atas dan berdasarkan nas-nas undang-undang yang terpakai, mahkamah dengan ini menolak rayuan perayu/TPR terhadap sabitan dan perintah HMS bertarikh 27 Disember 2017 adalah dikekalkan.

Rayuan ditolak dan perintah mahkamah seksyen dikekalkan.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar